

GARIS PANDUAN PERKONGSIAN DATA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

BERSAMA PIHAK MEDIA

1. TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan menyelaraskan tatacara perkongsian data Kementerian Pendidikan Tinggi bersama pihak media bagi tujuan penerbitan sama ada di dalam media cetak, media elektronik atau media baharu.
- 1.2 Melalui Garis Panduan ini perkongsian data bersama media dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan terkawal bagi memastikan data yang diterbitkan oleh pihak media adalah sahih dan berintegriti.
- 1.3 Garis Panduan ini juga dapat menyeragamkan data yang disampaikan oleh pihak Kementerian kepada pihak media, bagi sesuatu perkara terutamanya yang berkait dengan isu-isu semasa.

2. DEFINISI OPERASI

- 2.1 **Data :** Data adalah fakta yang telah terjadi, memiliki erti, dan dapat di simpan serta dapat di atur sedemikian rupa sehingga dapat menjadi sebuah bentuk yang dapat digunakan untuk pelbagai tujuannya, misalannya data untuk tujuan penelitian, pemasaran dan pengetahuan. (*Hoffer, Prescott dan McFadden, Modern database management seventh edition, 2005*)
- 2.2 **Data Kementerian Pendidikan Tinggi :** Merujuk kepada butiran data dan maklumat Pendidikan Tinggi Negara yang terdiri daripada profil, statistik, analisis serta sebarang informasi mengenai pelajar, kakitangan institusi pendidikan tinggi, maklumat penyelidikan dan pengkomersilan, maklumat institusi serta dapatan kajian kebolehpasaran graduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.
- 2.3 **Pihak media :** Pihak yang terlibat secara langsung di dalam bidang kewartawanan dengan maksud menulis, menyunting dan menerbitkan bahan sama ada di dalam media cetak, elektronik atau media baharu.

2.4 **PYB Data** : Pegawai yang bertanggung jawab membekalkan data yang dipohon sama ada pegawai di Bahagian/ Jabatan di Kementerian Pendidikan Tinggi.

2.5 **Data Terbuka** terbahagi kepada dua (2) kategori data seperti berikut :

2.5.1 Data Kategori A :

Data yang lazimnya disebar luas melalui penerbitan atau secara elektronik. Contohnya, data yang telah diterbitkan di dalam Laporan Tahunan Kementerian Pendidikan Tinggi, Buku Perangkaan Pendidikan Tinggi dan Buku Indikator Pendidikan Tinggi.

2.5.2 Data Kategori B :

Data terbuka bersifat kompleks yang memerlukan penganalisaan yang lebih panjang dan pemahaman data yang lebih mendalam, ada kalanya memerlukan pengetahuan berkaitan dengan bidang pendidikan tinggi yang mencukupi.

2.6 **Data Sulit** terbahagi kepada dua (2) kategori data seperti berikut :

2.6.1 Data Kategori C :

Data yang mengandungi unsur-unsur sensitif contohnya yang berkaitan dengan agama, bangsa dan kaum. Data ini hanya dikongsi bersama agensi-agensi kerajaan yang bersesuaian mengikut isu dan kepentingan.

2.6.2 Data Kategori D :

Data yang melibatkan maklumat peribadi individu yang dilindungi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Contoh data di bawah kategori ini adalah nama, nombor kad pengenalan, alamat kediaman, nombor telefon, Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK), maklumat kesihatan dan maklumat fizikal individu.

3. TATACARA PERKONGSIAN DATA BERSAMA PIHAK MEDIA

3.1 Bagi maksud penyelarasan, semua permohonan data Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dikehendaki mematuhi Proses Aliran Kerja seperti berikut :

3.1.1 Data Kategori A dan Kategori B

- i) Apabila permohonan data diterima dari pihak media, PYB Data perlu mengenalpasti kategori data berkenaan.
- ii) Bagi **Data Kategori A dan B**, permohonan yang dimajukan oleh pihak media kepada **Bahagian** perlu dipanjangkan ke Unit Komunikasi Korporat KPT (UKK KPT) dan Setiausaha Akhbar Menteri Pendidikan Tinggi (SUA); manakala permohonan yang dimajukan oleh pihak media kepada **Jabatan** perlu dipanjangkan ke Unit Komunikasi Korporat Jabatan yang berkaitan (UKKJ).
- iii) PYB Data bertanggungjawab memaklumkan kategori data berkenaan kepada UKK KPT/ SUA/ UKKJ serta maklumat tambahan bagi **Data Kategori A** mengenai di mana sumber data tersebut boleh diakses secara terus oleh pihak media.
- iv) UKK KPT/ SUA/ UKKJ bertanggungjawab meneliti permohonan **Data Kategori A dan B** yang dikemukakan. Bagi **Data Kategori A**, Pegawai UKK KPT/ SUA/ UKKJ bertanggungjawab memberi maklum balas kepada pemohon (pihak media) mengenai sumber data tersebut boleh diakses secara terus (di dalam portal/ laporan tahunan / lain-lain penerbitan)

- v) Bagi **Data Kategori B**, UKK KPT/ SUA/ UKKJ bertanggungjawab memutuskan kesesuaian perkongsian data berkenaan.
- vi) Sekiranya **Data Kategori B** dipersetujui untuk dikongsi bersama pihak media, UKK KPT/ SUA/ UKKJ akan meminta PYB Data membekalkan data tersebut.
- vii) Sekiranya **Data Kategori B** tidak dipersetujui untuk dikongsi bersama pihak media, UKK KPT/ SUA/ UKKJ bertanggungjawab memaklumkan keputusan berkenaan kepada pemohon.
- viii) PYB Data bertanggungjawab menyediakan, menyemak dan mengesahkan data yang dipohon untuk dikemukakan kepada UKK KPT / SUA/ UKKJ;
- ix) PYB Data bertanggungjawab memaklumkan tarikh kemaskini data (*cut-off date*), sumber data dan definisi operasi data (sekiranya berkaitan) kepada UKK KPT/ SUA/ UKKJ;
- x) UKK KPT/ SUA/ UKKJ bertanggungjawab mengemukakan data yang dipohon kepada pemohon;
- xi) PYB Data bertanggungjawab menyimpan rekod permohonan data tersebut untuk rujukan di masa akan datang;

3.1.2 Data Kategori C dan Kategori D

- i) Apabila permohonan data diterima dari pihak media, PYB Data perlu mengenalpasti kategori data berkenaan.
- ii) Bagi **Data Kategori C dan D**, permohonan yang dimajukan oleh pihak media kepada **Bahagian** perlu dipanjangkan ke Unit Komunikasi Korporat KPT (UKK KPT) dan Setiausaha Akhbar Menteri Pendidikan Tinggi (SUA); manakala

permohonan yang dimajukan oleh pihak media kepada **Jabatan** perlu dipanjangkan ke Unit Komunikasi Korporat Jabatan yang berkaitan (UKKJ).

- iii) UKK KPT/ SUA/ UKKJ bertanggungjawab memaklumkan pemohon mengenai kategori data dan menolak permohonan data bagi kedua-dua kategori ini.
- 3.2 Carta aliran kerja bagi perkongsian data KPT bersama pihak media adalah seperti di **Lampiran A**.

4. PENUTUP

Semua Bahagian dan Jabatan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi perlu mematuhi Garis Panduan ini bagi tujuan penyeragaman dalam urusan perkongsian data bersama pihak media.

***Kementerian Pendidikan Tinggi
Disember 2016***

**CARTA ALIRAN KERJA BAGI PERKONGSIAN DATA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BERSAMA PIHAK MEDIA.**

